

# VOREN PLUS GEL

Diclofenac Sodium (10mg *each gram*)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VOREN PLUS GEL
2. Bagaimana VOREN PLUS GEL berfungsi
3. Sebelum menggunakan VOREN PLUS GEL
4. Cara menggunakan VOREN PLUS GEL
5. Semasa menggunakan VOREN PLUS GEL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VOREN PLUS GEL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan VOREN PLUS GEL

Ia digunakan untuk rawatan topical inflamasi atau keadaan sakit yang disebabkan oleh arthritis rheumatoid kronik (penyakit sendi kecil kronik), artritis degenerasi (penyakit sendi yang disebabkan oleh keradangan, kerosakan dan kehilangan rawan pada sendi) dan rheumatism tisu lembut (Penyakit sendi yang secara klinikalnya berkaitan dengan tendon, ligament dan tisu-tisu lembut lain)

## Bagaimana VOREN PLUS GEL berfungsi

VOREN PLUS GEL mengandungi bahan yang dipanggil *Diclofenac*. Ia tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil agen anti-radang bukan steroid (NSAIDs) yang berfungsi mengurangkan kesakitan dan keradangan.

## Sebelum menggunakan VOREN PLUS GEL

- *Bila tidak boleh menggunakan*  
Jangan menggunakan VOREN PLUS GEL.
- Jika anda alah atau hipersensitif kepada *diclofenac*, *propylene glycol* atau mana-mana bahan seperti yang tersenarai pada bahagian akhir risalah ini.
- Jika anda mengalami reaksi hipersensitif seperti asma, rhinitis alergik (radang pada membrane mukus pada hidung) atau urticaria

(gatal-gatal atau ruam) kepada aspirin (ubat yang digunakan untuk mengurangkan demam, kesakitan dan menghalang pembekuan darah) atau mana-mana ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs) yang lain.

- Jangan gunakan ubat ini sekiranya anda mengalami mana-mana keadaan yang di atas. Sekiranya anda tidak pasti, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.
- *Sebelum menggunakan VOREN PLUS GEL*  
Beritahu doktor jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana keadaan berikut:
  - Ulser, pendarahan atau penembusan pada perut dan usus.
  - Dyspepsia (ketidakselesaan pada kawasan epigastrik yang disebabkan oleh masalah pencernaan)
  - Sakit jantung atau strok
  - Tadah air pada tisu, edema
  - Tekanan darah tinggi
  - Warga tua
  - Perokok
  - Peminum alcohol
  - VOREN PLUS GEL mungkin akan mengakibatkan reaksi yang teruk pada kulit seperti, dermatitis ekfoliatif, nekrolisis epiderma toksik, sindrom *Steven-Johnson*. Simptom yang mungkin ditunjukkan termasuklah kulit melepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi penanda kepada keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera. Sila dapatkan nasihat daripada doktor sebelum menggunakan VOREN PLUS GEL sekiranya anda mengandung, atau merancang untuk mengandung, menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusukan bayi. Doktor anda akan mempertimbangkan nisbah risiko terhadap faedah yang akan anda peroleh daripada ubat ini.
- *Jika mengambil ubat-ubat lain*  
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa

preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan VOREN PLUS GEL

- *Berapa banyak harus digunakan*  
Ia bergantung kepada tempat yang dirawat, sapu dengan jumlah yang mencukupi 3 atau 4 kali sehari pada kawasan yang terlibat
- *Bila perlu digunakan*  
Ia perlu digunakan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda
- *Berapa lama perlu digunakan*  
Guna ubat ini mengikut arahan seperti yang dicatatkan di dalam label, atau preskripsi doktor dan ahli farmasi.
- *Jika terlupa menggunakan*  
Jika anda terlupa untuk menggunakan gel ini, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.
- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*  
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan VOREN PLUS GEL

- *Perkara yang perlu dilakukan*  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.  
  
Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan VOREN PLUS GEL  
  
VOREN PLUS GEL perlu digunakan pada kulit sahaja
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*  
Jangan menggunakan ubat ini pada luka-luka kulit atau luka terbuka.

Jangan membenarkan VOREN PLUS GEL untuk bersentuhan dengan mata

atau membran mukus, dan tidak boleh diambil melalui mulut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
VOREN PLUS GEL tidak boleh disapu pada bahagian kulit yang luka, kecederaan terbuka dan pada mata. Ia jarang sekali boleh menyebabkan tindak balas pada kulit. Sila dapatkan nasihat daripada doktor jika berlaku ruam pada kulit.

### **Kesan-kesan sampingan**

VOREN PLUS GEL jarang mengakibatkan kesan sampingan. Kegatalan, kemerahan, pedih kulit, ruam atau letusan kulit mungkin terjadi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan VOREN PLUS GEL**

- Penyimpanan  
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di dalam bekas yang kedap udara. Simpan di dibawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada keadaan panas dan lembap.

- Pelupusan  
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk  
Gel lutsinar tanpa warna
- Bahan-bahan kandungan
  - Bahan aktif  
*Diclofenac Sodium*

- Bahan tidak aktif  
*Purified water, triethanolamine, isopropyl alcohol, carbopol, Menthol, propylene glycol.*

- Nombor MAL

### **Pengilang**

P.T Y.S.P Industries Indonesia,  
Jalan Kapuk Blok F 20 No.16 F-G Delta  
Silicon Lippo Cikarang, Desa Cicau  
Kecamatan Cikarang Pusat, Kabupaten  
Bekasi, Jawa Barat, Indonesia

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section  
13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor,  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

18/10/2025

### **Nombor siri**

NPRA (R2) 25/153